

# **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**

## **BIL. 1/1980**

---

### **CARA-CARA PENYEDIAAN PERMOHONAN UKUR DAN PERMINTAAN SURATAN HAKMILIK OLEH PEMUNGUT-PEMUNGUT HASIL TANAH**

Arahan ini dikeluarkan untuk menarik perhatian Pemungut-Pemungut Hasil Tanah mengenai cara-cara penyediaan Permohonan Ukur dan Permintaan Hakmilik supaya dapat diselaraskan dengan pihak Jabatan Ukur.

#### **1.1 Permohonan Ukur**

Semua Permohonan Ukur hendaklah dihantar **melalui Juruukur Jajahan** berkenaan dengan menggunakan Borang Lampiran ‘A’ yang disertai dengan surat tanpa menghantar fail-fail Pejabat Tanah. Contoh surat untuk menghantar Permohonan Ukur itu adalah bagaimana Lampiran ‘B’.

#### **Peringatan**

Bagi Suratan Hakmilik dibawah Geran Negeri atau Pajakan Negeri Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah diingatkan bahawa sebaik sahaja permohonan Ukur dihantar kejabatan Ukur fail-fail yang berkenaan hendaklah disimpan dengan baik dan diawasi bagi kegunaan pendaftaran apabila mendapat geran- geran baru itu.

#### **1.2 Permintaan Suratan Hakmilik**

Borang Lampiran ‘C’ atau ‘D’ hendaklah digunakan mengikut mana yang sesuai bagi semua Permintaan Suratan Hakmilik. Permohonan-Permohonan itu hendaklah dihantar terus kepada Pengarah Ukur **tanpa melalui** Juruukur Jajahan melainkan bagi Suratan Hakmilik di bawah Geran Negeri atau Pajakan Negeri kenalah melalui pejabat ini.

### Peringatan

Dalam masaalah dimana tanah-tanah yang telah dibuat pecahan, dan tuan-tuan tanah sebaik baik sahaja menerima hakmilik sementara telah menjual sebahagian daripada lot-lot pecahan itu. Penjualan tanah-tanah itu telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Bab 13A Undang -Undang Simpanan Tanah Bagi Anak -Anak Melayu, dengan jalan menyerah balik dan diberimilik semula mengikut Dasar Tanah Negeri dengan jalan Pajakan Negeri. Dalam hal yang seumpama ini Pemungut-Pemungut Hasil Tanah hendaklah menyediakan permintaan Suratan Hakmilik dengan menggunakan borang-borang di atas, bagi geran-geran negeri di dalam fail pecahan yang berkenaan dan bagi lot yang terlibat dengan penyerahan balik dan pemberianmilik semula secara Pajakan Negeri hendaklah diangkat dengan fail yang berasingan yang baru daftar .

#### 1.3. Permintaan Suratan Hakmilik Gantian (redrafts)

Bagi permohonan kerana pengeluaran Hakmilik Gantian (redrafts) hendaklah digunakan borang Lampiran ‘E’. Bayaran upah penyediaan bagi tiap-tiap hakmilik yang dipinta itu hendaklah dicatitkan di atas borang tersebut nombor resit dan tarikh pembayaranya.

2. Permintaan Suratan Hakmilik bagi kerja-kerja yang diselenggarakan oleh Juruukur Berlesen kerana pecahan sempadan atau lain-lain bagi tanah-tanah yang dipegang di bawah Hakmilik Pejabat Tanah hendaklah juga menggunakan borang Lampiran ‘D’ .

3. Penyediaan Hakmilik bagi lot lot yang diukur dan disempurnakan di bawah Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan terus dijalankan seperti diamalkan sekarang.

Saya yang menurut perintah,  
t.t  
**( Ab.Hamid Bin Hj.Abu Bakar )**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN  
**KOTA BHARU**

[ P.T.G.(KN.)11779/(2) ]

Bertarikh : 5hb.March, 1980.

**Kepada :**

Semua Pemungut Hasil Tanah,  
**KELANTAN.**

**s.k**

1. Pengarah Ukur Negeri kelantan.
2. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.

**LAMPIRAN ‘A’**  
(Tanah 126)

Bil. Pejabat Tanah:..... Kerajaan Negeri:.....

Bil. Pejabat Ukur :..... Permintaan Ukur No:.....

PENGARAH UKUR.....

Melalui:

JURU UKUR JAJAHAN,.....

1. Sila ukurkan tanah yang bertanda merah dalam pelan ( ) berkembar untuk:-

- \* (a) Berimilik Tanah Kerajaan
- \* (b) Pecahan \*Lot-lot/Bangunan-Bangunan.....
- \* (c) Cantuman Lot/lot/Bahagian.....dan terus dipecah.....
- \* (d) Penyerahan sebahagian dari lot-lot.....
- \* (e) Penyerahan lot-lot.....dan diberimilik semula bahagian-bahagian.....
- \* (f) Pengambilan sebahagian dar lot-lot.....
- \* (g) Ukuran semula lot-lot.....
- \* (h) \*Mengganti tanda sempadan yang hilang/membetulkan tempat tanda-tanda sempadan

2. Suratan-suratan Hakmilik yang dikehendaki untuk dikeluarkan ialah:-

- \* (a) Geran Negeri (Borang 5B) bagi.....
- \* (b) Pajakan Negeri (Borang 5C) bagi.....
- \* (c) \*Geran Mukim (Borang 5D)/Pajakan Mukim (Borang 5E) bagi.....
- \* (d) Pajakan Lombong didahului oleh Perakkuan Lombong bagi.....
- \* (e) Hakmilik Pecahan (Borang 10C) bagi.....

3. Suratan-suratan Hakmilik bagi lot-lot.....\*akan/telah dimusnahkan

4. Bayaran-bayaran ukur:-

- \* (a) Dibebaskan penuh oleh.....lihat.....
- \* (b) Dibebaskan setakat.....lihat.....

\* (c) Mengikut Jadual.....L.N.486/65 dan P.U.  
(A) 438/75

\* (d) Bayaran ukur sebanyak \$.....telah dibayar. Resit No:.....  
Haribulan.....No. Akaun.....

5. Nama dan Alamat si pemohon:.....

6. Derah:..... \*Mukim/Bandar/Pekan:.....

7. Anggaran Luas:.....

8. jenis-jenis kegunaan Tanah: \*Pertanian/Bangunan/Perus

8. jenis-jenis kegunaan Tanah: \*Pertanian/Bangunan/Perusahan/Galian

9. Surat-suratan Hakmilik Sementara \*telah/belum dikeluarkan.

Haribulan:.....19..... PEMUNGUT HASIL TANAH

## PEMUNGUT HASIL TANAH

Melalui;

JURU UKUR JAJAHAN,.....

Seperti yang dikehendaki, tanah telah diukur

Surih Penepatan bilangan.....diedarkan

2. Penepatan telah dibuat bagi lot.....

3. Kira-kira bayaran ukur adalah seperti berikut:-

Bil. Lot..... Bil. Pelan.....

Luas..... \*ekar/kaki persegi

## **Bayaran Ukur Tanda Sempadan      Suratan Hakmilik      Jumlah**

\$..... \$..... \$..... \$.....

Dibebaskan \$.....

Untuk Dipungut\$.....

PENGARAH UKUR  
KELANTAN

Haribulan:.....19.....

PENGARAH UKUR,  
KELANTAN

Penepatan telah diselesaikan dan surihan dikembalikan.

2. Bayaran-bayaran ukur telah dipungut dan dimasukkan kepada Hasil Persekutuan, lihat \*Kira-kira/Resit No:.....Haribulan:.....

.....  
**PEMUNGUT HASIL TANAH**

.....  
-----  
\*(Potong yang mana tidak sesuai)

**PELAN**

Daerah:.....

\*Mukim/Bandar/Pekan:.....

Bilangan Syit:.....

No. Buku Penerangan Pegawai Ptempatan.....muka.....  
Bearing dan jarak hendaklah ditunjukkan mengenai rajah berkembar.

**LAMPIRAN ‘B’**

Surat kami:

Pejabat Tanah dan Jajahan,

.....  
hb. 19

Pengarah Ukur Kelantan,  
**KOTA BHARU.**

Tuan,

Perkara: **Permohonan Gantian Surat Hakmilik (Reddraft)**

Diangkat untuk mendapat Suratan Hakmilik baru bagi **Geran Mukim/Pajakan Mukim** sebagai menggantikan Suratan Hakmilik yang telah dikeluarkan dahulu kepada tuan-tuan tanah yang mana Suratan Hakmiliknya dahulu kepada tuan-tuan yang mana Surat Hakmiliknya didapati penuh dengan tulisan/rosak/\*hilang bagaimana Perisyiharan Warta Kerajaan Kelantan No.....

\*2. Suratan Hakmilik yang telah dikeluarkan dahulu itu akan dimusnahkan sebelum hakmilik baru dikeluarkan.

3. Sukacita kiranya dapat tuan mengambil tindakan selanjutnya untuk menyediakan Suratan Hakmilik baru bagi tanah tersebut. Bayaran-bayaran berkaitan telah dipungut dan dijadikan hasil bagaimana berikut:-

i. **Hasil Negeri**

- |    |                              |         |
|----|------------------------------|---------|
| a. | Bayaran memfail permohonan   | \$..... |
| b. | Bayaran notis                | \$..... |
| a. | Bayaran Permohonan           | \$..... |
| a. | Bayaran memfail surat sumpah | \$..... |

ii. **Hasil Persekutuan**

- |    |                            |                  |
|----|----------------------------|------------------|
| a. | Bayaran memfail permohonan | \$.....(Resit No |
|----|----------------------------|------------------|

.....  
Pemungut Hasil Tanah,

**JADUAL TANAH**

Mukim.....Daerah.....

Lot No.....Jenis Hakmilik NE/\*MG/\*GM.....

Luasnya.....Jenis kegunaan Tanah.....

---

\*Potong yang mana tidak terlibat

**LAMPIRAN 'C'**

**SURAT MINTA GERAN NEGERI ATAU PAJAKAN NEGERI**

Jajahan:.....

Bandar atau Mukim dan Daerah	Lot No.	Hasil Tanah yang kena dibayar	Bayaran-bayaran *Ukur/Suratan Hakmilik		Surat Miliki Tanah yang dahulu dan lot nombor (jika ada)	Nama penuh bagi orang yang menerima hak	Kuasa bagi memberi milik (Fail No.)	Kenyataan syarat-syarat yang tertulis dan lain-lain
			\$	c				

Kepada : YABRS Tuan Pengarah Ukur, Negeri Kelantan

Melalui:

YABRs. Tuan Pengarah dan Galian Kelantan

Sila keluarkan Geran Negeri/Pajakan Negeri seperti di atas. Saya mengaku iaitu jumlah wang yang tersebut di atas telah dibayar dan telah dijadikan Hasil Kerajaan dan saya hantarkan bersama ini fail Pejabat yang bersabit

Beratikh:.....

Pemungut Hasil Tanah,  
.....

Pengarah Tanah dan Galian,  
Kelantan

**LAMPIRAN ‘D’**

**SURAT MINTA GERAN MUKIM/PAJAKAN MUKIM**

Jajahan: .....

**\*KERJA KERJA DISELENGGARAKAN OLEH JURU UKUR BERLESEN**

Mukim	Lot No.	Bayaran-Bayaran *Ukur/Suratan Hakmilik		Nombor Resit	Hasil Tanah yang telah dibayar		Surat Miliki tanah yang dahulu dan lot nombor (jika ada)	Nama penuh orang yang menerima hak	Kuasa memberi milik (Fail No.)	Kenyataan Syarat-syarat atau lain-lain
		\$	c		\$	c				

(\*Sila potong mana-mana yang tidak terlibat)

Kepada: YABrs. Tuan Pengarah Ukur, Negeri Kelantan.

Sila keluarkan Geran Mukim/Pajakan Mukim bagi tanah-tanah seperti di atas. Saya mengaku iaitu jumlah wang yang tersebut di atas itu telah dibayar dan dijadikan Hasil Kerajaan.

Bertarikh: .....

Pemungut Hasil Tanah  
.....